


NEGERI BRUNEI  
E 2 TAHUN 1974  
UNDANG2 MAKLUMAT PEKERJAAN, 1973

Beta bersetuju



HASSANAL BOLKIAH  
*Sultan*

*Satu Undang2 untuk mengadakan sharat2 untuk memungut maklumat mengenai orang2 yang berkerja.*

[30hb. Mach, 1974]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri seperti berikut :—

Gelaran  
pendek dan  
permulaan.

1. Undang2 ini boleh di-gelar sa-bagai Undang2 Maklumat Pekerjaan, 1973, dan akan berjalan kuatkuasa-nya pada tarikh yang Menteri Besar boleh menetapkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam undang2 ini —
 

“Pesurohjaya” bermakna Pesurohjaya Buroh.

“kontrek perkhidmatan” bermakna sa-barang perjanjian, samaada bertulis atau sechara lisan, yang nyata atau disifatkan ada, dengan mana sa-orang bersetuju mengambil sa-orang lain berkerja sa-bagai pekerja dan bahawa orang lain itu bersetuju berkhidmat dengan majikan-nya sa-bagai pekerja dan termasok-lah kontrek atau perjan-jian pelateh.

“pekerja” termasok sa-barang orang yang berkerja dalam apa jua pekerjaan, samaada dengan kontrek perkhidmatan atau sebalek-nya, dengan atau dengan tidak bergaji dan samaada di-dalam atau di-luar kawasan tempat profession, perniagaan, perdagangan atau peker-jaan majikan itu di-jalankan.

“majikan” termasok sabarang orang atau kumpulan orang2 yang di-tafsirkan sa-bagai majikan di-bawah Undang2 Buroh.

Penyata2 di-bawah Undang2 No. 11 tahun 1954.

3. (1) Pesurohjaya boleh dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* menghendaki sabarang majikan atau jenis majikan2 untuk menghantar kapada Pesurohjaya pada waktu atau waktu2 saperti yang di-tetapkan dalam kenyataan itu suatu penyata mengikut borang atau borang2 saperti yang di-benarkan oleh Pesurohjaya dengan memberi butir2 dan maklumat yang di-tetapkan di-dalam-nya, dan sabarang majikan tersebut hendak-lah memberi butir2 dan maklumat yang di-tetapkan itu.
- (2) Lembaran2 dari borang2 tersebut hendak-lah di-bekalkan kepada majikan2 perchuma apa-bila di-pohon kapada Pesurohjaya.
- (3) Tiada saorang pun akan terikat untuk mem-beri sabarang butir2 atau maklumat selain dari yang terdapat oleh-nya dalam perjalanan atau di-dapati dari sabarang profession, perniagaan, per-

dagangan, atau pekerjaan yang mana ia-nya di-ambil untuk menjalankan atau mengawasi-nya.

**Pesurohjaya  
boleh meminta  
penyata2 selan-  
jut-nya.**

4. (1) Pesurohjaya boleh memberi notis bertulis kapada sabarang majikan apabila dan seberapa kerap-nya yang di-fikirkan-nya perlu menghendaki majikan itu memberi dalam masa yang berpatutan yang di-nyatakan dalam notis tersebut penyata2 yang lebeh lengkap atau selanjut-nya mengenai sabarang perkara yang mana penyata ada-lah di-kehendaki oleh atau di-bawah Undang2 ini.

- (2) Permintaan yang sedemikian boleh mene-tapkan —
  - (a) borang dalam mana dan tempoh tetekala mana butir2 dan maklumat akan di-beri;
  - (b) butir2 dan maklumat yang akan di-beri; dan
  - (c) tempat di-mana atau chara bagaimana butir2 dan maklumat akan di-serahkan.

**Kuasa meminta  
penyata2,  
buku2, dll.**

5. Bagi maksud memperolehi maklumat leng-kap berkenaan dengan pekerja2 dari sabarang majikan maka Pesurohjaya boleh memberi notis bertulis kapada sabarang majikan tersebut meng-hendaki-nya dalam tempoh yang di-nyatakan dalam notis tersebut untuk menyiapkan dan menyerahkan kapada Pesurohjaya sabarang penya-ta yang di-tentukan dalam notis tersebut dan sebagai tambahan atau ganti-nya menghendaki hadzir sendiri untuk berjumpa-nya dan menunjok-kan untuk pemereksaan sabarang buku2, dokumen2, kira2 dan penyata2 yang Pesurohjaya mungkin menganggap perlu.

**Bebas dari  
bayaran pos.**

6. Semua penyata yang di-buat di-bawah Undang2 ini boleh, jika di-poskan di-Brunei dalam sarong surat yang bertanda:

“Penyata Maklumat Pekerjaan” boleh di-kirim kepada Pesurohjaya Buroh bebas dari bayaran pos.

**Menyampaikan  
permintaan2.**

7. Permintaan2 yang di-keluarkan di-bawah bab-bab 4 dan 5 dari Undang2 ini boleh di-sampai-kan, dengan chara2 yang berikut :—

- (a) Jika majikan itu ada-lah orang persorangan, permintaan itu boleh di-serahkan kepada-nya atau di-tinggalkan dengan ahli keluarga-nya yang dewasa (selain dari orang gaji) yang tinggal bersama-nya di-Brunei atau di-kirimkan kepada-nya dengan pos berdaftar katempat kediaman-nya atau perniagaan atau lain2 alamat pos;
- (b) jika orang persorangan yang akan di-sampaikan permintaan kepada-nya mempunyai wakil di-Brunei maka permintaan tersebut boleh di-serahkan kepada wakil tersebut atau di-kirimkan kepada-nya dengan pos berdaftar mengikut chara yang tersebut di-atas;
- (c) jika permintaan akan di-sampaikan kepada firma atau perkongsian yang tidak di-perbadankan maka permintaan tersebut boleh di-serahkan—
  - (i) kepada sabarang satu atau lebih ahli2 perkongsian itu; atau
  - (ii) di-tempat utama di-Brunei bagi firma atau perkongsian itu, kepada sabarang orang yang mengawal atau mengurus firma atau perkongsian tersebut pada waktu menyampaikan permintaan;
 atau di-kirimkan dengan pos berdaftar yang di-alamatkan kepada firma atau perkongsian tersebut di-tempat perniagaan utama-nya di-Brunei;
- (d) jika permintaan akan di-sampaikan kepada sharikat atau perbadanan maka permintaan itu boleh —
  - (i) di-tinggalkan di-pejabat (jika ada) bagi sharikat atau perbadanan itu di-Brunei;
  - (ii) di-serahkan kepada sebarang pengarah, pengurus atau setiausaha sharikat atau perbadanan itu di-Brunei atau kepada sabarang orang yang mempunyai bagi pehak

sharikat atau perbadanan itu kuasa2 mengawal atau mengurus perniagaan, pekerjaan, kerja atau perkara yang berkaitan dengan permintaan itu;

- (iii) di-kirimkan dengan pos berdaftar yang di-alamatkan kapada sharikat atau perbadanan itu di-pejabat utama-nya di-mana juga ia-nya terletak.

**Hukuman2.** 8. (1) Sabarang majikan yang tidak dengan sebab yang sah (terpulang kepada-nya untuk membuktikan-nya)—

- (a) dengan sengaja enggan atau lalai untuk memberi butir2 atau maklumat yang di-kehendaki dalam tempoh yang dibenarkan untuk memberikan-nya, atau memberikan-nya dalam borang yang di-tentukan atau di-tetapkan, atau untuk mengesahkan-nya pada tempat atau dengan chara yang di-tentukan atau di-tetapkan bagi penyerahan-nya; atau
- (b) dengan sengaja memberi atau menyebabkan supaya di-beri sabarang butir2 atau maklumat palsu mengenai sabarang perkara yang di-nyatakan dalam notis yang menghendaki butir2 atau maklumat supaya di-beri; atau
- (c) enggan menjawab, atau dengan sengaja memberi jawapan palsu kapada sebarang soal yang perlu untuk memperolehi sabarang maklumat atau butir2 yang di-kehendaki supaya di-beri di-bawah Undang2 ini;

akan di-dapati bersalah di-bawah Undang2 ini dan akan di-kenakan jika thabit kesalahan-nya, hukuman denda sebanyak tidak lebeh dari saribu ringgit atau penjara selama tidak lebeh dari tiga bulan atau kedua2-nya denda dan penjara tersebut dan dalam perkara kesalahan yang berterusan di-kenakan denda selanjut-nya sebanyak tidak lebeh dari

lima puloh ringgit bagi tiap2 hari semasa kesalahan itu terus berlaku dan mengenai butir2, maklumat atau jawapan2 falsu, kesalahan itu akan di-anggap berterusan hingga butir2, maklumat atau jawapan2 yang betul telah di-berikan.

(2) Satu sijil yang di-tandatangani oleh Pesuruhjaya menyatakan bahawa penyata2 tersebut telah tidak di-berikan atau tidak betul akan menjadi keterangan sepintas lalu yang chukup tentang kebenaran kenyataan2 yang di-nyatakan dalam sijil2 tersebut.

**Penyata2 tidak boleh di-siarkan atau di-beritahu.**

9. (1) Tiada penyata bagi butir2 atau maklumat dan tiada bahagian dari penyata yang di-berikan dan tiada jawapan kapada sabarang soalan yang di-tanya untuk maksud2 Undang2 ini akan di-siar dengan tidak mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada orang yang berkuasa mengawal, mengurus atau mengawasi profession, perniagaan, perdagangan atau pekerjaan yang berkaitan dengan mana penyata atau jawapan itu telah di-berikan, dan, kechualи untuk maksud2 memungut dan menyediakan perangkaan atau untuk maksud2 dakwaan di-bawah Undang2 ini atau untuk lain2 maksud seperti yang di-tetapkan, tiada sa-orang pun akan di-benarkan melihat sabarang penyata persaorangan atau sabarang bahagian dari penyata persaorangan tersebut.

(2) Tiap2 orang yang bertugas mengenai pungutan, penyediaan atau penyiaran perangkaan atau mengenai sebarang maksud lain yang di-tetapkan di-bawah cheraian (1) akan di-kehendaki membuat akuan dalam borang yang di-tentukan bahawa ia tidak akan memberitahu atau, kechualи untuk maksud2 sedemikian menggunakan isi sabarang bahagian dari penyata persaorangan tersebut atau sabarang jawapan seperti yang tersebut di atas; dan sabarang orang yang dengan setahu-nya melanggar sabarang akuan yang telah di-buat-nya akan di-dapati bersalah di-bawah Undang2 ini dan, jika thabit kesalahan-nya akan di-hukom penjara selama satu tempoh yang tidak lebeh dari satu tahun, atau denda sebanyak tidak lebeh dari empat ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara dan denda tersebut.

(3) Dalam sabarang laporan, ringkasan perangkaan, atau lain2 penerbitan yang di-buat di-bawah Undang2 ini berkenaan dengan sabarang perdagangan atau perindustrian, butir2 yang terkandong dalam sabarang penyata tidak boleh tanpa persetujuan bertulis terlebeh dahulu dari orang yang berkuasa mengawal, mengurus atau mengawasi profession, perniagaan, perdagangan atau pekerjaan yang berkaitan dengan butir2 itu, di-beritahu sechara apa jua pun, atau di-ator dalam sabarang chara yang membolehkan sabarang orang mengenali sabarang butir2 yang di-siarkan itu sebagai butir2 yang bersangkut paut dengan sabarang orang atau perniagaan persaorangan.

(4) Jika sebarang orang, yang mempunyai sabarang maklumat yang setahu-nya telah di-beri sechara yang melanggar sharat bab ini, menyiaran atau menyampaikan kepada orang lain sabarang maklumat tersebut, maka ia akan di-dapati bersalah di-bawah Undang2 ini dan jika thabit kesalahan-nya akan di-hukum penjara selama satu tempoh yang tidak lebeh dari satu tahun atau denda sebanyak yang tidak lebeh dari empat ribu ringgit atau kedua2 hukuman penjara atau denda tersebut.

**Kuasa untuk membuat peratoran2.**

10. (1) Sultan dalam Majlis Mashuarat boleh membuat peratoran2 untuk melaksanakan sharat2 dari Undang2 ini.

(2) Khusus-nya dan dengan tidak mengurangkan kuasa yang tersebut tadi, peratoran2 tersebut boleh —

- (a) menghendaki majikan2 bagi sabarang jenis pekerja2 untuk menyimpan daf-tar2 dan rekod2 pekerja2 mereka dan menentukan borang2 dan isi2-nya.
- (b) mengator chara memungut perangka-an, kaki-tangan yang akan di-ambil berhubong dengan-nya, tugas2 yang akan di-jalankan, dan penerbitan2 (jika ada) yang akan di-keluarkan;
- (c) menentukan borang2 dalam mana, masa, tempat dan chara-nya butir2

atau maklumat akan di-beri, dan chara mengahkan-nya, dan lain2 hal yang di-kehendaki untuk di-tentukan di-bawah Undang2 ini;

- (d) membebaskan sabarang majikan atau jenis majikan2 dari tanggong-jawab memberi butir2 dan maklumat di-bawah Undang2 ini, samaada kesemua-nya atau hingga had yang di-tetapkan, dan samaada tidak bersharat atau ter-taklok kapada sharat2 yang tertentu.

**Pembatalan.** 11. Bab 59 dari Undang2 Buroh ada-lah dengan ini di-batalkan.

E 2 TAHUN 1974

**TUJUAN2 DAN SEBAB2**

Tujuan Undang2 ini ia-lah untuk mengadakan chara2 yang lebeh berkesan bagi memungut dan menyiaran maklumat mengenai pekerjaan2 dan sharat2 dan keadaan pekerjaan di-Negeri ini. Kuasa yang ada pada masa ini dibawah bab 59 dari Undang2 Buroh ada-lah mengenai buroh kasar sahaja dan sunggoh pun ia-nya memadai untuk keperluan2 yang serendah2-nya bagi Konvensyen Buroh Antara Bangsa yang berkenaan itu ia-nya sama sekali tidak menchukupi, dan sabenar-nya tidak di-maksudkan, untuk peranchang tenaga manusia dan maksud2 kajian 'am. Sebenar-nya penyata2 penggal yang di-kirimkan di-bawah bab itu sekarang telah tidak di-pakai lagi. Oleh itu telah tiba masanya untuk menggantikan-nya dengan undang2 yang lebeh moden yang akan membolehkan semua lapisan2 keperluan dan sumber2 tenaga manusia di-ulangkaji terus-menerus.

Undang2 Maklumat Pekerjaan yang baru ini akan memberi kuasa kepada Pesurohjaya Buroh, di-bawah bab 3, 4 dan 5 untuk meminta penyata2 'am dan khas daripada majikan2 mengenai semua perengkat pekerja2 mereka, dan untuk memereksa buku2, daftar, kira2 dan lain2 dokumen yang berkenaan. Bab 7 menetapkan chara-nya notis yang meminta penyata2 itu boleh di-sampaikan, dan bab 8 dan 9 mengadakan sharat2 bagi hukuman2 kerana gagal mematohi-nya dan bagi kesalahan2 tersebut di-selesaikan oleh Pesurohjaya. Bab 10 memerentahkan supaya di-rahsiakan maklumat yang di-terima daripada majikan2 persorangan. Bab 11 dan 12 ada-lah merupakan tambahan.

Di-luluskan pada 21hb Disember, 1973.

JUDIN ASAR  
*Jurutulis*  
*Majlis2 Mashurat,*  
*Brunei.*